



DIHUKUM: Sli diiringi anggota polis setelah dijatuhi hukuman atas pertuduhan mencabul kehormatan seorang pembantu kedai di Kanowit, Rabu lalu.

Penganggur kena tiga bulan, denda RM3,000 kerana meraba buah dada pembantu kedai

SIBU: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara tiga bulan berserta denda RM3,000 terhadap seorang penganggur kerana meraba buah dada seorang pembantu kedai di Kanowit, Rabu lalu.

Majistret Oon Kork Chern yang menjatuhkan hukuman itu setelah mendengar pengakuan bersalah tertuduh, Sli Maringai, 51, memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara itu bermula dari tarikh dia ditangkap, 29 Oktober 2025.

Mengikut pertuduhan, Sli didakwa mencabul kehormatan dengan meraba buah dada mangsa di sebuah pasar raya mini di Kanowit pada 29 Oktober 2025, kira-kira jam 9.30 pagi.

Tertuduh didakwa dan dihukum di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana dua hukuman, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada 29 Oktober 2025 kira-kira jam 9.30 pagi, mangsa sedang bekerja apabila di-hampiri oleh tertuduh yang bertanya keberadaan ayah mangsa.

Selepas itu, tertuduh telah menyentuh buah dada sebelah kiri mangsa, menyebabkan mangsa menepis tangan tertuduh yang kemudian bertindak melarikan diri.

Perbuatan tertuduh itu turut dirakamkan oleh kamera litar tertutup (CCTV) di pasar raya mini tersebut.

Mangsa kemudian membuat laporan polis dan pada hari sama kira-kira jam 6.20 petang, pihak polis telah menahan tertuduh di sebuah rumah panjang di Sungai Poi bagi membantu siasatan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Keshava Rao Tharma Raja, sementara tertuduh tidak diwakili.